

Jangan panik, urus hutang sewajarnya

KUALA LUMPUR: Selepas enam bulan berada dalam 'zon selesa' susulan pelaksanaan moratorium automatik bayaran balik pinjaman institusi kewangan sejak April lalu, hari ini masyarakat telah kembali meneruskan pembayaran pembiayaan masing-masing.

Bagi yang masih terkesan akibat penularan Covid-19 pula, kerajaan telah membuat keputusan untuk melanjutkan moratorium secara bersasar dengan lebih 500,000 peminjam telah mengesahkan memerlukan bantuan pembayaran balik.

Sehubungan itu, Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri & Masyarakat), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri

menasihatkan peminjam supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan tidak panik untuk menguruskan hutang dengan berkesan.

Katanya, sepanjang enam bulan moratorium dilaksanakan sebelum ini, peminjam pastinya amat berhati-hati dengan melakukan simpanan untuk meneruskan pembayaran pembiayaan.

Beliau berkata, masih ada ruang untuk peminjam mengadakan perbincangan dengan bank masing-masing sekiranya terkesan akibat penularan Covid-19 melibatkan pemberhentian kerja atau pengurangan gaji.

"Apabila moratorium secara automatik ini berakhir, peminjam seharusnya tidak berasa panik dan menguruskan per-

belanjaan hutang seperti biasa.

"Mereka perlu berhati-hati dengan tidak percaya kepada pihak ketiga. Sekiranya mempunyai persoalan, mereka perlu terus hadir ke bank atau jika memang berhadapan dengan kesukaran, peminjam boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Setakat 18 September 2020, nilai moratorium dianggarkan berjumlah RM93.44 bilion dengan sebanyak RM32.7 bilion dimanfaatkan sektor perniagaan manakala RM60.74 bilion lagi dimanfaatkan peminjam individu.

Bagi moratorium secara ber-

sasar yang bermula hari ini, sebanyak 98 peratus daripada kira-kira 500,000 pemohon telah pun diluluskan.

Dalam masa yang sama, Mohamad Fazli turut menasihatkan orang ramai supaya meningkatkan simpanan kecemasan atau mencari pendapatan tambahan memandangkan pandemik Covid-19 masih belum reda.

"Orang ramai perlu keluar daripada kepompong selesa dan tidak mengambil kesempatan atas segala bantuan yang diberikan kerajaan.

"Mereka perlu menggunakan kemahiran yang ada untuk menambah pendapatan terutama menerusi digital ekonomi yang kini semakin mendapat perhatian," katanya.